

BUDAYA BERJIMAT SERTA BERSEDERHANA SEBAGAI PEMANGKIN KEJAYAAN PERNIAGAAN MASYARAKAT CINA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (SAVING AND SIMPLE WAY OF LIFE AS FACTORS OF BUSINESS SUCCESSFUL AMONG THE CHINESE COMMUNITY IN BRUNEI DARUSSALAM)

Malai Yunus Malai Yusof

Centre for Communication Teaching and Learning

University Teknologi Brunei

(yunusigs@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.22452/bnj.vol12no1.4>

Abstract

The values on savings and simple ways of life have been a normal practice in everyday life of the Chinese in Brunei. Since their early history of migration, their involvement in business as a means of economic activities continues until today. The Chinese population in Brunei and their synonym with business is not something new as it also happens in many parts of the world. This research investigates the relevance of savings and Chinese culture of simple way of life as one of the main advantages in establishing a business. The two values were shared within the community which positively lead to a community with a strong financial capacity which again became strong support to Chinese business. A total of eleven Chinese business people (labelled as IC) from different backgrounds of clans (dialects) and beliefs, have been selected as informants in this study. In-depth interview method was used as the main method of unlocking some questions about perceptions and cultural values with the informants. This study has proved that there is a relation between the two values and positively influence their capacity in setting up a business in the form of business capital.

Keywords: culture, trust, business, achievement, influence, Chinese in Brunei Darussalam

Abstrak

Nilai-nilai seperti berjimat serta bersederhana dalam perbelanjaan merupakan satu sikap biasa yang menjadi amalan bagi masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam. Sejarah bermigrasi masyarakat Cina ke bumi Brunei sehingga menjadi penduduk tetap dan memilih bermiaga sebagai aktiviti ekonomi utama mereka berkelangsungan sehingga ke hari ini. Di Brunei, seperti juga di negara-negara yang lain, masyarakat Cina begitu sinonim dengan aktiviti perniagaan. Kajian ini cuba melihat pada kemampuan serta kejayaan mereka dalam memulakan perniagaan dan kaitannya dengan nilai-nilai berhemat serta bersederhana dalam kehidupan sehari-hari yang merupakan satu nilai yang diajarkan dalam Konfusianisme. Seterusnya, budaya berhemat dan bersederhana yang diamalkan dalam keluarga berkembang dan mewujudkan struktur masyarat yang mempunyai kemampuan dari aspek kewangan menjadi sistem sokongan yang kuat bagi peniaga Cina dalam perjalanan perniagaan mereka. Dengan menggunakan metod temubual bersama sebelas orang peniaga Cina (yang dilabel sebagai IC) yang mempunyai latar belakang berbeza daripada aspek suku (dialek), kepercayaan serta jenis perniagaan, kajian ini cuba mengupas kedudukan budaya berhemat dan besederhana serta nilai-nilai kesatuan masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam dan bagaimana nilai-nilai ini telah bertindak sebagai resepi penting dalam kejayaan sesebuah perniagaan.

Katakunci: budaya, kebolehpercayaan, perniagaan, pencapaian, pengaruh, orang Cina di Brunei Darussalam

Pengenalan

Dengan menggunakan metod temubual bersama para peniaga Cina (Jadual 1), kajian ini menganalisis hubungan positif di antara nilai-nilai berhemat serta bersederhana yang diamalkan oleh masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam yang menjadi pemangkin utama dalam kemampuan serta kejayaan mereka membuka perniagaan. Masyarakat Cina di negara ini seperti dengan negara-negara lain begitu sinonim dengan aktiviti perniagaan yang telah menjadi aktiviti ekonomi utama mereka yang diwarisi zaman-berzaman. Nilai-nilai budaya yang menjadi ajaran Konfusianisme ini sangat praktikal dan berperanan sebagai modal perniagaan ketika mereka berhasrat untuk mula

berniaga. Malah nilai ini juga banyak menyelamatkan perjalanan perniagaan mereka apabila sikap berhemat serta bersederhana berjaya menyediakan modal pusingan perniagaan ketika mereka berhasrat untuk membesarkan perniagaan. Di samping itu juga, apabila nilai-nilai ini dikongsi dan diamalkan oleh keluarga masyarakat Cina di Brunei, maka secara tidak langsung mereka akan menjadi komuniti penyokong yang kuat kepada peniaga apabila mempunyai lebihan wang untuk membantu sesama mereka.

Jadual 1: Senarai Informan Peniaga Cina

INFORMAN	UMUR	SUKU (DIALEK)	AGAMA	KEWARGANEGARAAN	JENIS PERNIAGAAN	TAHUN DITUBUHKAN	SUMBER MODAL	MILIK
IC-1	82	Hailam	Buddha	Brunei	Restoran	1946	Simpanan sendiri dan bantuan kawan	Milik keluarga
IC-2	64	Hakka	Buddha	Brunei	Pengedar Proton	1978	Simpanan sendiri	Kongsi bersama abang
IC-3	66	Hokien	Buddha	Penduduk tetap	Peralatan jahitan	1997	Perkongsian adek beradik dan kakak ipar	Kongsi bersama isteri dan kakak ipar
IC-4	52	Fuchow	Buddha	Penduduk tetap	Binaan dan syarikat pengiklanan	1989	Tidak dinyatakan	Bersama abang
IC-5	48	Hokien	Roman-katholik	Brunei	Restoran makanan segera	2000	Wang sendiri, bantuan ayah dan pinjaman bank	Suami isteri
IC-6	50	Heng hwa	Free thinker	Penduduk tetap	Kedai serbanika	2002	Wang sendiri dan bantuan dari rakan kongsi	Milik sendiri
IC-7	37	Hokien	Islam	Brunei	Binaan dalaman	1996	Wang abang ipar	Bersama abang ipar
IC-8	45	Hokien	kristian	Brunei	Informasi teknologi	1998	Wang ayah	Bersama abang
IC-9	42	Hokien	Buddha	Brunei	Basikal dan permainnan	1995	Duit simpanan sendiri	keluarga
IC-10	47	Hokien	Buddha	Malaysia	Kontrektor	2003	Pinjaman daripada ayah	persendirian
IC-11	48	Hokien	Buddha	Brunei	Percetakan	1982	Wang perkongsian dengan abang ipar	Bersama abang ipar

Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

Budaya Berhemat dan Bersederhana di Kalangan Masyarakat Cina

Budaya yang didefinisikan E. B Tylor (1871) sebagai “that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, customs and any other capabilities and habits acquired by man as member of a society...” sentiasa menjadi rujukan. Menurut Edwin Thumbo (1996), budaya adalah aspek yang mencirikan sesebuah komuniti. Ia juga merupakan cara hidup. Ramai sarjana berpendapat bahawa budaya yang termasuk sistem kepercayaan akan mempengaruhi pencapaian kehidupan. Teori awal mengenai perkara ini adalah berasaskan gagasan Max Weber pada abad ke-19 melalui bukunya *The Protestant Ethics and the Spirits of Capitalism* yang menegaskan bahawa pengajaran di dalam mazhab protestan yang sangat bercirikan kepada nilai-nilai pencapaian dunia telah mempengaruhi fokus penganutnya kepada pencapaian material (Weber, 1930). Manakala menurut Tony Fang (1999), kepercayaan masyarakat Cina adalah berasaskan Konfusianisme, Taosim dan Buddha di mana ajaran-ajaran agama atau kepercayaan ini juga berfokus kepada pencapaian dunia. Menurutnya, berbanding dengan kelompok etnik lain, orang Cina mempunyai persepsi yang kurang memikirkan tentang ugama dan kehidupan selepas mati. Justru, orang Cina adalah lebih fokus kepada kehidupan di dunia.

Menurut Yukong Zhao (2013), nilai-nilai Konfusianisme merupakan pegangan dalam kehidupan orang-orang Cina manakala menurut Yen Ching-Hwang (1976), salah satu nilai yang diajarkan oleh Konfusianisme adalah “berhemat” manakala menurut Wang Gungwu (1991) dan Chin Yee Whah (2003), amalan menyimpan serta berhemat adalah menjadi sebahagian daripada nilai modal budaya masyarakat Cina di mana dari aspek praktikanya nilai menyimpan menjadi asas kepada seorang peniaga.

Modal juga ditegaskan oleh Alfred Marshall (1927), yang menyatakan tentang kepentingan faktor modal dalam memulakan sesebuah perniagaan. Modal kewangan bukan hanya penting ketika memulakan sesebuah perniagaan, tetapi juga harus mencukupi dari segi jumlah ketika perniagaan sudah mula berjalan. Beliau juga menyatakan bahawa modal yang diperoleh melalui simpanan sendiri iaitu bukan pinjaman dari mana-mana pihak adalah lebih baik dan berpotensi tinggi untuk mempercepatkan sesuatu perniagaan mencapai kemantapan.

Kajian ini cuba membuktikan beberapa amalan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Cina khususnya melalui temubual bersama para informan Cina yang dipilih. Kesemua informan diajukan beberapa soalan yang menjurus kepada jawapan persoalan kajian yang cuba menganalisis nilai-nilai budaya dan

hubungannya dengan pencapaian perniagaan. Kedudukan para informan yang terdiri dari pelbagai latar belakang juga bertujuan untuk membuktikan bahawa nilai-nilai yang dikaji diamalkan oleh masyarakat Cina secara amnya dan bukan khusus menurut dialek mahupun kepercayaan sahaja.

Menurut Chin (2003), modal bagi budaya Cina termasuk modal kewangan dan modal sosial. Modal kewangan adalah wang yang dikumpul atau dipinjam dari mana-mana pihak, manakala modal sosial pula adalah hubungan yang berdasarkan kebolehpercayaan dengan mana-mana pihak yang boleh membantu dalam mencapai hasrat seseorang. Dalam masyarakat Cina beberapa nilai telah dikenal pasti yang boleh menjadi pemangkin sesbuah perniagaan. Di antara nilai-nilai tersebut adalah berhemat, berani mangambil risiko dan mencapai keuntungan (Chin, 2003). Sikap berhemat serta bersederhana merupakan salah satu nilai penting dalam kehidupan masyarakat Cina. Perkara ini telah diakui sendiri oleh kesemua informan. Kajian ini juga menyingskap pendorong kepada nilai berjimat yang diamalkan oleh masyarakat Cina kerana melalui temubual ini didapati bahawa kebanyakan orang Cina mampu memulakan perniagaan kerana mereka mempunyai simpanan kewangan yang mencukupi seperti yang dinyatakan oleh IC-7:

Sikap berjimat telah diajarkan kepada kami sedari kecil lagi. Walaupun ia berasal dari pengajaran budaya namun peranan orang tua adalah lebih penting dalam hal ini ketika mengajar anak-anak mereka untuk berhemat. Ketika saya kecil, ibu saya telah membelikan sebuah tabung untuk menyimpan duit. Dan setiap kali saya menerima duit mereka akan memastikan saya menyimpan sebahagian daripadanya. Kini saya juga mempunyai anak sendiri. Dan perkara yang sama saya ajarkan kepada anak saya.

Bagi IC-10 yang telah memulakan perniagannya pada tahun 1993 atas pertolongan bapanya juga mengakui bahawa berhemat merupakan suatu amalan orang Cina. Berjimat sangat berkait dengan amalan bersederhana orang Cina yang juga telah diakui sendiri oleh kebanyakan informan. Menurut IC-10;

Ini memang betul! Kalau ikut orang Cina punya fikiran dalam 10, 8 orang memang begini (bersederhana). Tetapi kalau orang Melayu mungkin sepuluh dari sepuluh belum tentu bersederhana. Ini kebudayaan mereka.

Sementara bagi IC-3 yang kini berusai 65 tahun menyatakan sesiapa pun perlu mempunyai simpanan kerana mereka tidak tahu akan hari-hari mendatang. Sikap ini perlu ada dan dijadikan tabiat sejak kecil sehinggalah ke hari tua. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat perkataan di dalam bahasa Cina yang menganjurkan untuk menyimpan, menurutnya:

'Panglau' adalah Bahasa Mandarin dan Hokien yang memberi makna ingat masa tua. Siapa akan memberikan wang kepada kita ketika kita sudah tua? Jika kita ada simpanan di bank kita akan merasa lebih selesa. Sekarang saya menyimpan duit di bank untuk anak saya tetapi saya pastikan bahawa saya tidak akan memberinya dahulu. Anak saya belum kahwin oleh itu duit itu nanti boleh digunakan. Kalau ada peluang berniaga pun boleh juga digunakan. Ramai orang Cina seperti ini, *Panglau* untuk hari tua dan untuk anak. Kami suami isteri sentiasa merancang untuk masa depan, ketika hujung bulan wang gaji atau pendapatan kami kumpulkan dan setelah dibahagikan untuk belanja dapur selebihnya kami akan simpan untuk *panglau*. Bakinya baru masuk poket untuk buat belanja. Dan kalau berhasrat untuk berniaga, wang itu boleh dijadikan modal. Ramai orang Cina macam itu. *Panglau* untuk tua dan untuk anak. Perancangan untuk masa depan suami isteri. Hujung bulan terima gaji kami kumpul, pakai belanja rumah, tinggalnya untuk *panglau*. Tinggalnya baru masuk poket untuk belanja.

Sikap berhemat dan menabung adalah sangat berkait dengan kehidupan masyarakat Cina sebagai pendatang. Dan perkara ini juga sangat praktikal dalam kehidupan terutamanya bagi mereka yang berstatus sebagai pendatang iaitu bukan peribumi. Menurut IC-8:

Saya fikir 80 peratus orang Cina di Brunei pernah melalui kesukaran dalam kehidupan. Mereka tahu bagaimana rasa susah. Seperti ayah saya, dia datang dari Cina tanpa sebarang wang. Dia lahir tahun 1921 dan datang ke Brunei pada tahun 1942 ketika beliau berusia 20 tahun. Dia berkerja dan menyimpan wang. Orang Cina sangat faham makna menyimpan/berhemat. Dari kecil kami diajar untuk merancang untuk hari sukar. Dalam keluarga saya dan kabanyakan keluarga Cina kami melakukan perkara yang sama, kami tidak akan membelanjakan sehingga habis. Pada umumnya, *the Chinese understand the meaning of savings*.

Bagi IC-4 pula, menyimpan, menabung atau berhemat sememangnya boleh diiktiraf sebagai budaya kebanyakan masyarakat Cina kerana ia diamalkan oleh setiap generasi. Menurutnya:

Kedudukannya seperti satu nilai budaya di kalangan orang Cina. Mereka sentiasa berhati-hati kerana orang Cina yang datang ke sini telah menghadapi hidup yang sukar. Mereka menyedari bahawa adalah sukar untuk mendapatkan wang oleh itu apabila mereka memperolehnya mereka akan berjimat dan berhemat. Ini *mindset* kami dari generasi ke generasi.

Sementara itu menurutnya lagi, terdapat pula kebiasaan dalam kalangan orang-orang tua Cina yang mencatat transaksi perbelanjaan mereka ke dalam sebuah buku kecil. Segala transaksi pendapatan dan perbelanjaan sehari dicatatkan agar mereka boleh mengetahui dengan terperinci perjalanan wang mereka. Metod ini walaupun kini jarang dilakukan oleh generasi baru masyarakat Cina, namun perkara yang tersirat di dalamnya tetap jelas iaitu untuk menekankan sikap perancangan yang rapi terhadap kewangan kita.

Nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat Cina ini walaupun pada asalnya bertujuan untuk persediaan hari muka mereka, namun secara langsung ataupun tidak, simpanan ini juga boleh digunakan untuk mereka memulakan perniagaan apabila berhasrat untuk membuka perniagaan. Malah lebih dari itu, budaya berhemat juga merupakan salah satu nilai yang boleh memangkin kemantapan serta kejayaan perniagaan orang Cina. Perkara ini telah dijelaskan oleh Goh Jun Hai (1962) bahawa sifat berjimat bukan hanya sebagai asas memulakan perniagaan tetapi juga menyumbang kepada perkembangan dan kejayaan syarikat perniagaan Cina.

Dan apabila ditanyakan tentang kaitan nilai-nilai ini dengan pengaruh pengajaran Konfusianisme, kebanyakan informan menjawab mereka tidak perlu belajar tentangnya secara formal kerana ia telah ada dalam diri mereka. Perkara ini dinyatakan oleh IC-11:

Terus terang saja, Konfusius memang berada di hati kami (orang Cina). Kami memahaminya sedikit demi sedikit. Tidak perlu untuk kami mempelajarinya kerana nilai ini seperti budaya kami. Kami mempelajarinya dari orang tua kami dan mereka mempelajarinya dari orang tua mereka. Ia di dalam hati kami, tidak perlu belajar dari buku sama ada kami menyedarinya atau tidak nilai itu telah ada kerana kami mengalaminya dalam kehidupan sehari-hari kami.

Hubungan Institusi Keluarga dan Kaitannya dengan Perniagaan

Amalan berhemat serta bersederhana merupakan satu amalan yang dibudayakan oleh keluarga Cina. Masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam mempunyai nilai budaya perniagaan yang begitu kental dan perkara ini secara semulajadi telah memudahkan proses penglibatan mereka dalam dunia perniagaan (Malai Yunus Malai Yusof, 2015). Persepsi positif terhadap perniagaan yang dikuatkan dengan nilai berhemat serta bersederhana membuatkan keluarga Cina cenderung dalam memulakan mahupun menyokong sesuatu perniagaan di kalangan keluarga. Bagi masyarakat Cina, keluarga merupakan institusi penting dalam kehidupan mereka, dan perkara ini telah disebutkan oleh ramai sarjana seperti Redding (1990), Hamilton dan Kao (1990), Wang (1991) dan Jesudason (1990). Keluarga bukan hanya dilihat sebagai institusi sosial yang penting malah lebih dari itu ia juga boleh membantu kepada peningkatan ekonomi orang Cina. Temubual terhadap informan juga cuba untuk mengupas kedudukan keluarga bagi orang Cina, dan sejauh mana keluarga dapat membantu mereka di dalam perniagaan.

Bagi IC-8, sekembali beliau dari melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains Komputer di Canada, beliau telah pulang ke Brunei dan bekerja dengan sebuah firma. Walau bagaimanapun setahun kemudian syarikat mengalami masalah dan terpaksa ditutup. Majikannya memberikan beliau galakkan untuk mengambil alih syarikat yang telah pun mempunyai beberapa orang pelanggan tetap pada ketika itu iaitu pengurusan akaun secara bersistem komputer. Ketika itu, beliau bersetuju tetapi hanya melakukannya secara sambilan. Pada tahun 1989, abang beliau telah melihat satu peluang keemasan dalam bidang ini kerana pemilikan komputer peribadi baru sahaja bermula ketika itu di Brunei. Setelah itu mereka bersetuju untuk menjadi rakan kongsi dan pada masa itu hanya terdapat dua buah syarikat komputer peribadi sepertinya. Menurut IC-8, ketika itu sesiapa yang mempunyai sebuah komputer peribadi adalah suatu perkara yang hebat. Mereka juga beruntung kerana masih mempunyai beberapa pelanggan besar serta mendapat jaminan modal daripada bapanya:

Saya mendapat modal dari ayah saya. Bapa saya menjalankan perniagaan kedai runcit serta melabor dalam banyak bidang perniagaan seperti hartanah. Dengan cara itulah dia mampu menghantar semua kami belajar ke luar negara. Dengan mempunyai keluarga yang ramai, dia menggalakkan kami untuk membuat apa sahaja yang kami minat dan dia juga menggalakkan kami untuk berniaga.

Bagi IC-10 yang berasal dari Ipoh, Malaysia pula, pada tahun 1993, beliau telah dipanggil oleh ayahnya untuk berkerja di Brunei di bawah syarikatnya iaitu sebuah syarikat kontraktor. Oleh kerana menyedari bahawa gaji dua puluh ringgit sehari tidak mencukupi maka beliau cuba mencari alternatif lain. Menurutnya, beliau juga pernah terlibat dengan aktiviti perjudian Kuda ketika berada di Ipoh sehingga beliau banyak berhutang dengan beberapa pihak. Menurutnya:

Ketika itu saya terfikir, 20 ringgit sehari tidak cukup untuk saya membayar hutang-hutang saya. Saya meminta bapa saya untuk meminjamkan saya tiga orang pekerja dan sebuah kereta dan saya pun mula mencari peluang pekerjaan. Saya tidak mahu mengganggu perniagaan bapa saya dan saya memang minat untuk berniaga. Ketika kecil di Ipoh, kami telah mula berkerja di sebuah kedai pengiklanan. Saya ketika itu baru berumur lapan tahun dan ibu saya akan memberikan saya upah sebanyak 12 ringgit apabila membantu dia berkerja.

Peranan keluarga dalam mempengaruhi perniagaan orang Cina adalah begitu signifikan sehingga mereka juga dianggap sebagai tempat untuk meminta sokongan ketika memulakan perniagaan. Kajian juga mendapati bahawa, kebanyakan informan berpandangan positif terhadap meminjam wang dari keluarga dan kenalan mereka seperti yang dinyatakan oleh IC-11:

Saya menceburi perniagan di atas galakan abang saya. Abang saya itu adalah abang tiri dari perkahwinan ibu saya sebelum ini. Dia telah lama terlibat dalam percetakan dan mempelawa saya untuk ikut serta. Dia *master mind* dalam mengendalikan perniagaan kami. Ketika itu saya baru lepas tingkatan lima pada tahun 1992. Kehidupan agak sukar bagi saya ketika itu. Kami tidak mampu untuk mengambil pekerja ketika itu. Kalangan keluarga adalah agak mudah kerana sama ada dibayar gaji atau tidak ia tidak mengapa dan boleh selesaikan dengan mudah. Modal kami pinjam dari keluarga. Kami, orang Cina jarang meminjam dari pihak bank. Bank bagi kami hanya, meminjamkan duit kepada orang kaya bukan orang miskin. Ia sangat jelas, kalau tidak ada duit jangan pergi ke bank, begitulah cara kami berfikir pada masa lalu. Saya fikir, kebolehpercayaan adalah sangat penting, Sebagai contoh, saya akan katakan kepada bapa saudara saya, pakcik saya nak pinjam 10 ribu ringgit kerana nak memulakan perniagaan percetakan. Pakcik saya

katakana, ok. Satu perkara lagi yang penting bagi kami adalah kami mesti benar-benar tahu bidang itu sebelum kami berani menceburinya. Kalau tidak tahu lebih baik jangan. Jangan katakan saya hanya mahu mencuba nasib seperti isteri saya yang menjalankan perniagaan jahitan, dia harus tahu segala sesuatu tentang jahitan dan fesyen pakaian, kalau tidak dia akan menghadapi kesukaran.

Peranan keluarga bagi peniaga Cina juga mewujudkan kecenderungan menceburi bidang perniagaan yang berbentuk perniagaan keluarga. Terdapat ramai di kalangan peniaga Cina adalah penerus kepada perniagaan keluarga mereka walaupun ada yang telah mengembangkan jenis perniagaan mahupun menukar ke bidang perniagaan yang lain. Namun yang paling penting bagi mereka adalah untuk meneruskan ‘legasi perniagaan keluarga’. Peniaga seperti IC-1, IC-9, dan IC-11 adalah penerus perniagaan keluarga. Bagi anak-anak IC-1, perniagaan roti yang bermula sejak 1946 itu menjadi satu legasi keluarga dan turut diceburi oleh anak dan cucu beliau sendiri. Begitu juga dengan kedai basikal milik ayah IC-9 yang telah ditubuhkan pada tahun 1940-an juga telah dikembangkan oleh anak-anak mereka sebagai penerus perniagaan.

Modal Budaya dan Hubungan Kebolehpercayaan

Malai Yunus Malai Yusof (2005) menyatakan bahawa terjalannya hubungan sosial yang kukuh dalam aspek ekonomi di kalangan masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam. Hubungan ini melahirkan sikap kebolehpercayaan terhadap sesama mereka dan telah menjadi satu sistem sokongan penting dalam kegiatan ekonomi. Kedudukan ini juga mempunyai kaitan dengan pengalaman yang panjang dalam sejarah perniagaan sehingga masyarakat Cina memahami bahawa perniagaan yang dijalankan secara berkumpulan atau “komuniti peniaga” adalah lebih baik dan lebih berpotensi untuk mengaut keuntungan yang besar di samping mewujudkan ‘sistem rangkaian’.

Hubungan kebolehpercayaan yang kental di dalam masyarakat Cina juga dibincangkan oleh ramai sarjana seperti Tong Chee Kiong dan Yong Pit Kee (1998), J. Bruce Jacobs (1979), dan Edmund Terence Gomez (1999). Hubungan ini lebih bersifat atau berbentuk jalinan kerjasama ekonomi. Kedudukan ini juga berlaku di kalangan masyarakat Cina di Brunei khususnya dalam konteks masyarakat peniaga. Informan-informan juga menyatakan bahawa semangat perpaduan di kalangan orang Cina adalah tinggi. Dalam konteks memulakan perniagaan, peranan rakan-rakan juga sangat membantu dalam mencapai

objektif mereka dan perkara ini merupakan satu jalinan yang berdasarkan kebolehpercayan dalam masayarat Cina.

Bagi IC-1 yang memulakan perniagaan pada tahun 1946 sangat terhutang budi kepada beberapa orang rakan yang telah membantunya dalam memulakan perniagaan. Ketika itu beliau yang tidak mempunyai cukup duit telah dibantu oleh kawan-kawannya. Menurutnya:

Di Brunei dulu saya makan gaji dari bapa saudara. Dan saya bercitacita buka perniagaan sendiri pada tahun 1940-an. Masa Jepun, bapa saudara saya mempunyai sebuah kedai minum, kedai no.7, Jalan Sultan. Dulu tiada pinjaman bank, setelah pihak tentera Jepun lari barulah wujudnya bank di Brunei. Dulu kedai saya dibuka dengan duit simpanan saya serta bantuan dari kawan-kawan sekerja saya. Ketika itu belum ada duit untuk mengambil kuli (pekerja). Bangunan kedai dua tingkat itu dibuat dari bekas-bekas kayu daripada pejabat lama. Dengan melibatkan 5 orang rakan kongsi dan berbekalkan modal sebanyak tiga ribu ringgit pada tahun 1946 bermulalah perniagaan kedai minum saya.

Menurut IC-10, peranan bantu-membantu dalam perniagaan adalah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Cina, walaupun bukan untuk semua orang. Yang penting menurutnya seseorang yang ingin berniaga harus menampakkan kesungguhan. Perkara ini juga menurutnya sangat berkait dengan pemikiran masyarakat Cina yang membudayakan perniagaan di samping kemampuan mereka kerana mempunyai wang simpanan yang lebih. Menurut beliau:

Kalau awak tidak sompong dan menampakkan kesungguhan maka kawan-kawan akan mudah merasa simpati dan mudah untuk membantu. Walaupun barangkali tidak mampu untuk membantu banyak namun sekurang-kurangnya mereka akan membantu sedikit. Jarang orang Cina tidak membantu langsung. Sebagai contoh, apabila seorang hendak meminjam 500 ringgit, dan dia hanya mampu meminjamkan seratus sahaja, itu sudah kira bagus. Tetapi satu kali, dua kali ok lah! Kalau tiga kali....he he (ketawa).

Hubungan kebolehpercayaan yang wujud di antara masyarakat Cina turut dipersetujui oleh IC-6. Menurut beliau orang Cina akan membantu orang Cina selagi dia mampu. Hubungan peribadi ini banyak membantunya dalam perniagaan terutamanya ketika dia benar-benar memerlukan. Dalam menceritakan pengalamannya mula bermiaga, IC-6 berkongsi cerita:

Setelah enam tahun saya berada di Seria, saya berpindah ke Kuala Belait dan berkerja di sebuah bengkel. Saya telah tinggal di kedua-dua daerah itu selama 15 tahun. Saya cuba menjual kereta terpakai secara kecil-kecilan. Kereta itu saya dapatkan dari orang Inggeris yang mahu balik ke negeri mereka Seterusnya saya cuba membuka bengkel sendiri dengan modal yang sangat kecil dari duit yang saya simpan beberapa ribu ringgit sahaja. Tetapi saya ramai kenal dengan tauke kedai *spare part* dan mereka membenarkan saya untuk mengambil barang tanpa bayaran pendahuluan. Kelebihan ini wujud di antara orang Heng Hwa dengan orang Heng Hwa. Orang Heng Hwa walau di mana sahaja, bila saja mengetahui anda orang Heng Hwa mereka akan membantu anda, sifat tolong menolong itu sangat kental di antara kami. Terutamanya di Brunei sangat susah untuk mencari bangsa Heng Hwa. Walaupun begitu dengan lain bangsa Cina juga kami mesti menolong. Walaupun saya bermula dengan kedai 50 sen di Jalan Tutong. Ketika itu saya juga mula dengan modal yang kecil dan tidak banyak duit, tetapi seorang wartawan Borneo Bulletin telah menolong saya dengan menulis mengenai perkara ini dan kedai saya dan ini membuatkan saya sangat senang hati.

Melalui temubual bersama informan Cina menunjukkan nilai kebolehpercayaan dalam masyarakat Cina merupakan satu jaminan bagi mereka untuk mendapatkan sumber kewangan sebagai modal perniagaan. Dan perkara ini merupakan satu kebiasaan atau pun telah menjadi budaya bagi orang Cina. Kedudukan ini telah membolehkan orang Cina mendapatkan sumber modal tanpa meminjam dari institusi yang lebih formal seperti bank dan sebagainya. Perkara ini dinyatakan oleh IC-11 seperti berikut:

Bagi kami orang Cina, meminjam wang secara dalaman dari kalangan keluarga atau rakan adalah perkara biasa, oleh itu seboleh-bolehnya kami tidak perlu meminjam dari pihak bank.

Sesuatu perniagaan yang menggunakan modal simpanan tanpa memerlukan pinjaman dari mana-mana pihak akan mempercepatkan kemantapan perniagaan tanpa perlu memikirkan bayaran balik. Dalam kajian ini, masyarakat Cina memperlihatkan satu sistem kewangan yang baik dan praktikal dalam membantu perniagaan mereka. Keadaan ini banyak disokong

oleh budaya serta struktur masyarakat Cina yang kukuh dari aspek motivasi perniagaan serta kewangan dan perkara ini merupakan nilai yang dikongsi bersama.

Kesimpulan

Kajian budaya ini telah berjaya menghubungkan nilai-nilai yang dibudayakan di dalam masyarakat Cina di Brunei termasuk berhemat, bersederhana, kebolehpercayaan serta peranan institusi keluarga yang secara positif telah membantu perjalanan perniagaan dari pelbagai aspek. Nilai-nilai yang dikongsi bersama ini juga berkembang sehingga berperanan dalam mewujudkan satu sistem sokongan yang kuat dari kalangan komuniti Cina khususnya dari aspek bantuan kewangan serta rangkaian. Keadaan ini banyak membantu kelangsungan perniagaan mereka apabila dilanda sebarang cabaran walau dalam apa bentuk sekalipun.

Rujukan

- Chin, Y. W. (2003). *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fang, T. (1999). *Chinese Business Negotiation Style*. London: IBS International Business Series.
- Goh, J. H. (1962). Some Aspects of Chinese Business World in Malaya. *Ekonomi*, 3, 84-95.
- Gomez, E. T. (1999). *Chinese Business in Malaysia: Accumulation, Accommodation and Ascendance*. Surrey: Curzon Press.
- Hamilton, G. G., & Kao, C. S. (1990). The institutional foundations of Chinese Business: The family firm in Taiwan. *Comparative Social Research*, 12, 135-151.
- Jacobs, J. B. (1979). A preliminary model of particularistic ties in Chinese political alliances: *Kan-ch'ing and kuan-shi* in a rural Taiwanese township. *China Quarterly*, 78, 237-73.
- Jesudason, J. V. (1990). *Ethnicity and the Economy: The State, Chinese Business and Peripheral Areas and Peoples of Malaysia*. Hull: Hull University Press.
- Malai Yunus Malai Yusof. (2015). Pengaruh Persepsi dalam Pencapaian Peniaga Cina di Negara Brunei Darussalam. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2(2), 113-128.
- Marshall, A. (1927). *Principles of Economics*. London: Macmillan.

- Redding. (1990). *The Spirits of Chinese Capitalism*. New York, Walter de Gruyter.
- Thumbo, E. (1996). *Culture in ASEAN and the 21st Century*. Singapore: National University of Singapore.
- Tong, C. K., & Yong, P. K. (1998). Guanxi bases, xinyong and Chinese Business networks. *British Journal and Sociology*, 49(1), 75-96.
- Tylor, E. B. (1871). *Primitive Culture*. New York: Dover Publication Inc.
- Wang, G. (1991). *China and the Chinese Overseas*. Singapore: Time Academic Press.
- Weber, M. (1930). *The Protestant EthicMs and the Spirits of Capitalism*. London: Unwin Hyman.
- Yen, C.-H. (1976). The Confucian revival movement in Singapore and Malaya 1819-1911. *Journal of Southeast Asian Studies*, 7(1), 35-57.
- Zhao, Y. (2013). *Chinese Secrets Success*. New York: Morgan James Publishing.

Date of Received: 1st June 2018

Date of Accepted: 15th December 2018